

13/05/2001

Angkara spekulator (HL)

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan niat jahat spekulator mata wang asing dan tempatan untuk merosakkan ekonomi negara dengan menyebarkan khabar angin kononnya nilai Ringgit Malaysia (RM) akan diturunkan bagi mengaut keuntungan mudah.

Perdana Menteri berkata, penyebaran khabar angin itu memuncak bulan lalu dan spekulator mata wang itu bertindak membeli dengan banyak dolar Amerika pada harga sekarang.

"Mereka membuat khabar angin kononnya ringgit akan diturunkan harga jadi RM4.20 (bagi setiap dolar Amerika) atau harga lain.

"Dengan itu mereka beli dolar Amerika pada harga RM3.80 dengan harapan ringgit kita turun harga dan mereka boleh untung kerana mereka beli pada harga murah.

"Itulah tujuan mereka dan ini merosakkan ekonomi negara kita," katanya pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Hari Pekerja 2001 di Stadium Putra di sini semalam.

Tindakan spekulator mata wang asing menjatuhkan nilai ringgit dan mata wang negara serantau adalah punca krisis mata wang dan ekonomi di rantau ini pada 1997 dan 1998.

Sejak beberapa bulan lalu, penetapan nilai ringgit pada kadar RM3.80 setiap dolar Amerika hangat diperdebatkan dan beberapa pihak menyatakan mata wang tempatan kononnya terlebih nilai berbanding mata wang negara serantau yang lemah.

Mereka berkata, nilai ringgit sepatutnya diturunkan sejajar dengan penurunan mata wang negara serantau supaya barangan keluaran Malaysia terus berdaya saing.

Bagaimanapun, hujah itu disanggah pekilang tempatan yang menyatakan kadar penetapan ringgit tidak wajar diganggu semata-mata untuk menyesuaikan dengan penurunan jangka pendek mata wang negara lain.

Mereka berpendapat pengekalan nilai ringgit pada kadar tukaran sekarang memberi kestabilan kepada eksport negara.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mengetahui tindakan spekulator mata wang terbabit tetapi tidak mengenal pasti siapa mereka.

"Saya tahu perkara ini berlaku tetapi saya tidak tahu spekulator yang mana.

Saya rasa spekulator tempatan dan asing pun ada, mereka menunggu kononnya ringgit kita akan diturunkan nilainya," katanya.

Ditanya apakah Malaysia akan tunduk kepada tekanan serta pandangan sedemikian, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak akan menurunkan nilai ringgit.

"Kita kata berkali-kali, saya kata tidak, Menteri Kewangan (Tun Daim Zainuddin) pun kata tidak, tetapi khabar angin bulan lalu bukan main kuat lagi kononnya ringgit akan jatuh harga," katanya.

Dr Mahathir berkata, barangan keluaran Malaysia masih berdaya saing dan kerajaan tidak perlu menurunkan nilai ringgit sejajar dengan penurunan nilai mata wang negara serantau untuk memastikan eksport negara tidak terjejas.

Beliau berkata, daya saing barangan keluaran negara bukan hanya bergantung kepada nilai ringgit tetapi faktor lain seperti produktiviti yang tinggi, kestabilan politik dan keharmonian perusahaan yang menjadi kelebihan Malaysia.

"Dalam negara kita produktiviti memang tinggi juga kita ada kestabilan

politik dan kestabilan dari segi tindakan pekerja, semua ini menyumbang kepada daya saing kita.

"Justeru, kita tak payah turunkan walaupun nilai ringgit dipandang lebih tinggi berbanding nilai mata wang negara jiran kerana kita masih terus berdaya saing," katanya.

(END)